

15 MAR 1999

Mahathir-Sanusi

MAHATHIR NAFI SANUSI LETAK JAWATAN

KUALA LUMPUR, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan bahawa Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid akan meletakkan jawatan dan kesal dengan penggunaan Internet untuk menyebarkan fitnah.

"Saya menafikannya...saya tidak tahu (mengenai peletakan jawatan itu). Banyak spekulasi," katanya ketika mengulas kenyataan Sanusi semalam yang menafikan berita di Internet kononnya beliau akan meletakkan jawatan.

Dr Mahathir berkata beliau hanya mengetahui perkara itu melalui akhbar hari ini dan beliau turut menafikan ura-ura akan berlaku perubahan pada pucuk pimpinan di Kedah dan Perlis.

Apabila ditanya sama ada khabar angin itu berpunca daripada pelantikan bekas Menteri Besar Kedah Tan Sri Osman Aroff sebagai wakil peribadi beliau di Kubang Pasu bulan lalu, Dr Mahathir berkata Osman dilantik kerana beliau mempunyai pengalaman.

"Dulu saya tiada wakil peribadi di sana. Saya sibuk dan perlu orang berpengalaman. Osman sudah ada di sana sebagai Timbalan Ketua Bahagian UMNO dari dulu tapi beliau menjadi Menteri Besar...sekarang (beliau) tiada lagi (menjadi Menteri Besar) dan sebab itu saya lantik dia," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada persidangan berita selepas mesyuarat delegasi antara Malaysia dan Poland di Jabatan Perdana Menteri. Presiden Poland Aleksander Kwasniewski mengetuai delegasi negaranya.

Dr Mahathir juga menafikan anggapan bahawa Osman cenderung kepada pihak pembangkang sejak melepaskan jawatan Menteri Besar kepada Sanusi.

"Dia penyokong setia UMNO. Kalau rebus tiga kali pun dia akan kata dia UMNO," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata beliau kesal kerana di negara ini Internet lebih banyak digunakan untuk menyebarkan fitnah dan pembohongan serta menimbulkan kekacauan.

"Dulu saya ingat Internet akan bawa banyak faedah. Tapi sekarang jadi saluran fitnah yang popular di Malaysia...dulu surat layang," kata beliau.

Perdana Menteri berkata orang lain menggunakan Internet untuk menambah pengetahuan tetapi rakyat Malaysia menggunakannya untuk merosakkan diri dan negara sendiri.

-- BERNAMA

AR AKD